

**MAJLIS PERASMIAN FESTIVAL FILEM & VIDEO PELAJAR
MALAYSIA KE - 7**

Teks Ucapan

BRIG. JENERAL DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN

Naib Canselor

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

pada 15 Januari 2010, di Dewan Kapitol, Kangar, Perlis.

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh, Salam
Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Yang Berbahagia, Encik Mohd Mahyidin Mustakim, Ketua
Pengarah FINAS,

Yang Berbahagia, Tuan Haji Mohd Zulkifli Ab. Wahab,
Timbalan Ketua Pengarah FINAS,

Yang Berbahagia Prof. Dr. Sazali Yaacob, Timbalan Naib
Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan
Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP

Yang Berbahagia Prof Dr Ismail Abdullah, Pengerusi Bersama
Jawatankuasa Induk Festival Filem dan Video Pelajar
Malaysia (FFVPM)

Pegawai-pegawai Kanan FINAS,

Pegawai-pegawai Utama Universiti

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Rakan-rakan Media yang dihormati, seterusnya hadirin dan hadirat yang saya kasihi sekalian.

Selamat Pagi, Good Morning, Cao Shang Hao, Kalai Vannakam, Sawadikap.

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T diatas limpahan rahmat daripada Nya, kita masih lagi berkesempatan merasai kenikmatan di tahun baru 2010 ini dan berjaya berkumpul di sini pada pagi ini bagi menghadiri **Majlis Perasmian Festival Filem & Video Pelajar ke - 7 (FFVPM7)**. Saya berdoa semoga dengan kesempatan yang diberikan ini, kita akan menggunakan peluang ini dengan sebaik mungkin. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat datang dan sekalung penghargaan kepada semua peserta dari IPT yang mengambil bahagian. Bermulanya kalendar tahun baru 2010, ini merupakan antara program yang berprestij yang menjadi pembuka tirai 2010 bagi UniMAP.

Sekali lagi saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) di atas kepercayaan dan mandat yang diberikan kepada Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) untuk menjadi penganjur **Festival Filem dan Video Pelajar Malaysia (FFVPM) Ke-7** pada kali ini. Sebagai Naib Canselor, besarlah harapan saya untuk memastikan kelancaran perjalanan festival kali ini. Saya juga percaya kejayaan penganjuran Festival ini akan menjadi langkah pertama UniMAP untuk lebih berusaha mengecapi kegemilangan dan kejayaan pada tahun ini.

Setinggi-tinggi tahniah juga saya ucapkan kepada jawatankuasa pelaksanaan di atas kerjasama yang diberikan dalam menjayakan program yang kita anjurkan ini. Sesungguhnya kerjasama daripada anda semua amatlah saya hargai dan hanya Allah S.W.T sahaja yang mampu membalasnya.

Ladies and Gentlemen,

Film is not just a story telling. Film is dream, film is music. No art passes our principles in the way film does, and goes directly to our feelings, deep down into the dark rooms of our souls (*Ingmar Bergman*).

When we decided to organize FFVPM7, we are actually taking a big challenge. UniMAP as a technical university is not an expert and we don't even have a Faculty of Film Making. But I do believe, this is the best opportunity for us (UniMAP) to prove that we are able be the best among the best. I am very proud of the commitment given from 20 IPTAs with 121 participations in 6 categories and 28 of them have been short listed. Congratulations on your achievements!!

I know how important film is in expressing the uniqueness of national identity and culture. I also know that creative industries like filmmaking make a big contribution to economic and job growth, and to technological innovation.

FFVPM7 is the right platform for full exposure in film making. It is the opportunity to potentially launch a career in filmmaking. It is such partnerships that we should encourage and give our young people an opportunity to embrace film making as an important career choice.

FFVPM7 will surely create a new generation of film makers that will change the scenario of our local showbiz industry in the future. And this is where it all begins. Let's enjoy this Film Festival. (Please give a big round applause to yourself).

Hadirin Sekalian,

Mengikut statistik yang saya perolehi, seramai 43.85 juta penonton menonton filem di pawagam sepanjang tahun 2008 berbanding pada 2007, iaitu hanya 33.55 juta penonton sahaja membanjiri pawagan dan dari segi peratusan pula, peningkatan sebanyak 30.7 peratus dalam masa satu tahun saya kira satu pencapaian yang cukup memberangsangkan.

Pada tahun 2008 juga, sebanyak 26 filem telah ditayangkan dan keseluruhan kutipan untuk semua filem adalah RM43.204 juta. Manakala pada tahun 2009, sebanyak 26 filem juga ditayangkan dan jumlah kutipan keseluruhan adalah RM49.93 juta. Sedangkan masih ada

filem 2009 yang masih ditayangkan di pawagan berdekatan. Dengan perbandingan ini jelas menunjukkan bahawa rakyat Malaysia semakin memberi respon terhadap filem-filem keluaran tempatan dan juga antarabangsa.

Saya kira ini seharusnya menjadi titik tolak kepada penghasilan filem yang lebih bermutu untuk disajikan kepada masyarakat kita dan FFVPM7 merupakan medan yang paling sesuai bagi mencungkil idea serta pendedahan mengenai selok belok penerbitan sesebuah karya filem atau video yang berkualiti tinggi kepada para pelajar IPT (sama ada awam atau swasta) kerana para peserta festival ini adalah terdiri daripada pelajar-pelajar yang berdaftar dengan Institut Pengajian Tinggi (IPTA/ IPTS/ Komuniti/ Akademi/ Politeknik Awam dan Swasta) di seluruh Malaysia.

Untuk pengetahuan para hadirin, sebanyak 20 IPT telah mengambil bahagian dengan jumlah penyertaan sebanyak 121 dari 6 kategori. Namun jika dihitung masa yang diperuntukkan untuk festival ini tidaklah begitu banyak kerana kita hanya mempunyai masa 4 bulan untuk persiapan festival ini. Namun, berkat kerjasama yang tinggi antara kita, saya tetap berpuas hati dengan jumlah penyertaan dan persiapan yang dilakukan untuk FFVPM pada kali ini. Malah komen yang saya terima daripada juri mengenai 121 penyertaan ini adalah sangat positif kerana saya

dimaklumkan bahawa semua karya yang dihasilkan adalah terbaik dan bermutu. Walaubagaimanapun, sudah adat pertandingan ada kalah dan ada menang, ada terpilih dan ada yang gagal dipilih. Namun itu tidak bermakna bahawa yang tidak terpilih itu tidak bagus atau baik cuma persaingan terlalu sengit dan kita terpaksa memilih yang terbaik di kalangan yang baik dan hasilnya, dari jumlah penyertaan 121 tadi, hanya 28 penyertaan sahaja yang telah di senarai pendek (short listed). Syabas dan tahniah saya ucapkan untuk semua yang telah berjaya di senarai pendek dan tidak lupa kepada semua yang mengambil bahagian. (Berikan tepukan gemuruh kepada semua yang mengambil bahagian)

Hadirin sekalian,

Dengan pemilihan tema, **“Ke Arah Persada 1Malaysia”** yang mengambil konsep 1Malaysia yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Malaysia, Dato’ Seri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak maka setiap karya yang bertanding haruslah mempunyai unsur-unsur seperti nilai perpaduan, keharmonian dan kesejahteraan hidup masyarakat pelbagai kaum di Malaysia.

Sebagai contoh filem yang dihasilkan memaparkan semangat kerjasama, kesetiakawanan, kesefahaman, kejiranan dan perpaduan antara pelbagai lapisan rakyat. Tema ini perlu diterjemahkan ke dalam karya filem atau video sebagai

pernyataan, manifestasi, atau cara hidup rakyat pelbagai kaum di negara ini. Kalau dilihat, sememangnya bukan mudah untuk menghasilkan filem ataupun video yang sedemikian. Namun saya percaya para pelajar IPT kita akan dapat melahirkan pemikiran tentang konsep “1 Malaysia” dengan lebih menarik, kreatif dan inovatif, serta bermutu tinggi selain dapat berkongsi idea dengan semua peserta dan masyarakat umum lainnya.

Hadirin sekalian,

Saya juga percaya melalui festival ini kita juga dapat meniupkan semangat 1Malaysia dalam diri golongan anak muda yang semestinya menjadi peneraju perfileman Negara akan datang. Penganjuran Festival ini dilihat mampu memperkembangkan lagi daya kreativiti, komunikasi, interaksi, akauntabiliti, serta mempertingkatkan kemahiran teknikal dalam perfileman atau video.

Hal ini kerana para pelajar IPT dapat mengetahui, mempelajari dan bertoleransi dengan pelbagai aspek “softskill”, cabaran dalam menerbitkan karya mereka. Malahan, mereka akan bersifat analitikal atau kritikal, atau pun belajar secara intuitif melalui kelebihan dan kekurangan karya masing-masing.

Hadirin sekalian,

Akhir sekali, besarlah harapan saya, agar FFVPM7 anjuran UniMAP dengan kerjasama FINAS ini, akan mendapat sambutan hangat semua pihak, khususnya para pengiat dalam bidang perfileman dan video, penaja, dan pelajar di seluruh negara. Selain itu, semoga festival ini dapat merealisasikan impian peminat serta pencinta filem dan video tanah air dalam menghasilkan karya yang bermutu tinggi sekali gus memartabatkan industri perfileman dan video di Malaysia ke persada antarabangsa.

Indah filem kerana mutu,

Indah video kerana

FFVPM7 menjadi pemangkin

Saya sudahi dengan Wabillahitaufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.